

Kemudian Abu Sarwa'ah 'Uqbah bin al-Haarits pergi kepadanya, lalu membunuhnya. Khubaiblah orangnya yang memulakan sunnah sembahyang¹²⁶ untuk setiap muslim yang yang ditahan untuk menerima hukuman bunuh (sebelum dilaksanakan hukuman bunuh). Baginda s.a.w. menceritakan kepada para sahabat kisah mereka pada hari mereka diserang lagi. Apabila orang-orang kafir Quraisy mendapat berita 'Aashim terbunuh, mereka menghantar orang-orang tertentu untuk mencari mayatnya dan membawakan mana-mana bahagian anggotanya yang dapat dicam mereka. Ini kerana 'Aashim telah membunuh salah seorang pembesar mereka.¹²⁷ Tetapi Allah menghantarkan sekumpulan tebuan (atau lebah) untuk melindungi (mayat) 'Aashim daripada orang-orang yang pergi mencarinya. Maka tidak dapatlah mereka memotong apa-apa anggotanya.¹²⁸

Melihat sya'ir gubahan Maulana Wahiduz Zaman dalam acuan bahasa Urdu itu, timbul pula keinginan di dalam hati penulis untuk menggubah Sya'ir Khubaib di atas dalam acuan sya'ir bahasa Melayu. Terimalah pula gubahanku ini:

Tidak ku kisah ke mana ku rebah ◊ sebagai muslim kerananya Allah

Andai ku mati di jalanMu Ilah ◊ Berkati jasadku nanti dikelah.

¹²⁶ Perbuatan Khubaib (bersembahyang sebelum beliau dibunuh) itu menjadi sunnah kerana beliau melakukannya semasa hayat Nabi s.a.w. dan Nabi s.a.w. pula menganggapnya elok serta mentaqrirkannya (mengesahkannya). Demikianlah kata al-Qasthallaani. Pada pandangan penulis, ada kemungkinan juga Khubaib telah pun mengetahui daripada Rasulullah s.a.w. sendiri tentang adanya sunnah sembahyang itu. Cuma beliau orang yang mula-mula melaksanakannya dalam kenyataan, lantaran beliau orang yang mula-mula mengalami hukuman seperti itu dari kalangan sahabat.

¹²⁷ Nama pembesar Quraisy yang dibunuh 'Aashim dalam perang Badar ialah 'Uqbah bin Abi Mu'aith. Ini juga antara sebab kenapa Imam Bukhari mengemukakan hadits ini di bawah bab tanpa tajuk yang merupakan fasal bagi bab kelebihan Ahli Badar.

¹²⁸ Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Termasuk dalam cara Nabi s.a.w. memerintah dan bernegara ialah mengadakan satu jabatan atau pasukan yang bertugas sebagai pengintip pergerakan pihak musuh. (2) Keharusan menyerah diri untuk ditawan pihak musuh dalam keadaan sudah terkepung, nyawa terancam dan tiada jalan lagi buat meloloskan diri. Inilah yang dilakukan oleh Khubaib, Zaid bin ad-Datsinah dan 'Abdullah bin Thaa'riq. Antara yang berpendapat begini dari kalangan imam-imam mujtahidin dan tokoh-tokoh umat ialah al-Muhallab, al-Hasan al-Bashri dan Sufyan ats-Tsauri. (3) Keharusan tidak menyerah diri kepada pihak musuh (orang-orang kafir), walaupun sudah terkepung, nyawa terancam dan tiada jalan lagi untuk melepaskan diri. Inilah yang dilakukan oleh 'Aashim dan beberapa orang sahabat yang lain. Antara yang berpendapat begini dari kalangan imam-imam mujtahidin ialah al-Auzaa'i. (4) Keelokan (istihbab) membersihkan diri sebelum dihukum bunuh dengan mencukur bulu-bulu di bahagian tertentu badan. (5) Keharusan meminjam sesuatu daripada orang kafir. Kemudian memulangkan barang yang dipinjam itu kepadanya dengan

Kata Ka'ab bin Malik, orang menyebut nama Muraarah bin ar-Rabi' al-'Amri dan Hilal bin Umaiyyah al-Waaqifi.¹²⁹ Dua orang (sahabat) yang saleh. Mereka berdua adalah sahabat yang telah ikut serta dalam peperangan Badar.¹³⁰

penuh amanah. (6) Memelihara diri daripada bertindak ganas terhadap anak-anak orang kafir dan tidak membunuh mereka dengan harapan mereka akan memeluk agama Islam di suatu hari nanti adalah suatu pekerti yang mulia. (7) Keharusan bersya'ir atau bermadah demi menyatakan 'aqidah, kepercayaan dan pegangan hidup, walaupun ketika hampir dihukum bunuh. (8) Adanya sunnah bersembahyang sekurang-kurangnya dua raka'at sebelum menjalani hukuman bunuh. (9) Adanya apa yang dinamakan keramat para auliya' Allah (kekasih Allah). Khubaib adalah antara sahabat yang pernah ternyata keramat dalam kehidupannya. Beliau dikurniai Allah gugusan buah anggur dalam keadaan tangan dan kakinya diberkas dan dibelenggu dengan besi dan di Mekah pula pada ketika tiada buah-buahan. (10) Doa 'Aashim dan Khubaib yang meminta agar Allah memberitahu kepada Rasulullah s.a.w. tentang perihal mereka diterima Allah. Ini kerana Baginda s.a.w. telah memberitahu kepada para sahabat di Madinah sebelum ada sesiapa pun yang datang membawa berita tentang mereka. (11) Doa-doa para kekasih Allah tidak semestinya diterima Allah betul-betul seperti yang dipinta mereka. Malah Allah s.w.t. kadang-kadang tidak memenuhi permintaan mereka kerana hikmat-hikmat dan rahsia-rahsia tertentu yang hanya diketahuiNya. (12) Keharusan meninggalkan atau mengurangkan sesuatu amalan sunat kerana takut ia menimbulkan sangkaan yang bukan-bukan di dalam hati orang yang melihat. (13) Naluri membalas dendam di dalam jiwa manusia dapat dilihat dengan jelas sekali pada tindakan orang-orang kafir Quraisy yang membeli Khubaib untuk membunuhnya dan menghantar sekumpulan orang untuk mencari mayat 'Aashim atau mana-mana bahagian anggotanya yang dapat dicam mereka. Tujuannya tidak lain melainkan untuk meluahkan perasaan dendam yang telah tersemat di hati. (14) Allah bagaimanapun telah melindungi mayat 'Aashim daripada diserakahi nafsu liar orang-orang kafir Quraisy dengan menghantarkan sekumpulan tebuan atau lebah yang menghalang mereka daripada mendekatinya. Kemudian melenyapkannya dari pandangan mereka sehingga tidak dapat dicari lagi. (15) Berkat Khubaib dibunuh, ramai sekali orang-orang kafir Quraisy kemudiannya memeluk agama Islam, termasuk pembunuh-pembunuhnya sendiri.

¹²⁹ bahawa mereka berdua juga termasuk antara sahabat yang tidak turut serta dalam perang Tabuk.

¹³⁰ Keterangan Ka'ab ini menolak pendapat az-Zuhri, al-Atsram, ad-Dimyaathi, Ibnu al-Qaiyyim dan lain-lain tokoh yang dikatakan berpendapat Muraarah bin ar-Rabi' dan Hilal bin Umaiyyah tidak termasuk Ahli Badar. Kata ad-Dimyaathi, tidak ada sesiapa pun menyebut mereka berdua telah ikut serta dalam perang Badar kecuali Ka'ab bin Malik di dalam haditsnya ini. Dua orang sahabat itu hanya tersenarai dalam thabaqah kedua golongan Anshaar, iaitu mereka yang tidak ikut serta dalam perang Badar tetapi telah ikut serta dalam perang Uhud. Kata as-Suyuthi, orang yang mula-mula berpendapat begini ialah al-Atsram, murid Ahmad. Pendapat beliau itu kemudiannya diikuti sekumpulan ulama. Mereka menda'wa ayat: قَدْ شَهِدَا بَدْرًا (Mereka berdua adalah sahabat yang telah ikut serta dalam peperangan Badar) yang terdapat di dalam hadits Ka'ab itu sebenarnya adalah kata-kata az-Zuhri (مدرجة من كلامه). Ia bukan sebahagian daripada cerita Ka'ab. Kebanyakan ulama bagaimanapun, sependapat dengan Bukhari dalam masalah ini. Menurut Bukhari, mereka berdua adalah Ahli Badar. Dalilnya ialah keterangan Ka'ab di dalam

٣٩٨٨- حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا لَيْثٌ عَنْ يَحْيَى عَنْ نَافِعٍ أَنَّ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ذَكَرَ لَهُ أَنَّ سَعِيدَ بْنَ زَيْدٍ بْنُ عَمْرٍو بْنَ نُفَيْلٍ وَكَانَ بَدْرِيًّا مَرَضَ فِي يَوْمِ جُمُعَةٍ فَركَبَ إِلَيْهِ بَعْدَ أَنْ تَعَالَى النَّهَارُ وَافْتَرَبَتِ الْجُمُعَةُ وَتَرَكَ الْجُمُعَةَ وَقَالَ اللَّيْثُ حَدَّثَنِي يُونُسُ عَنْ ابْنِ شَهَابٍ قَالَ حَدَّثَنِي عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُتْبَةَ أَنَّ أَبَاهُ كَتَبَ إِلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْأَزْقَمِ الرَّهْرِيِّ يَأْمُرُهُ أَنْ يَدْخُلَ عَلَى سُبَيْعَةَ بِنْتِ الْحَارِثِ الْأَسْلَمِيَّةِ فَيَسْأَلَهَا عَنْ حَدِيثِهَا وَعَنْ مَا قَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ اسْتَفْتَتْهُ فَكَتَبَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْأَزْقَمِ إِلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُتْبَةَ يُخْبِرُهُ أَنَّ سُبَيْعَةَ بِنْتِ الْحَارِثِ أَخْبَرَتْ أَنَّهَا كَانَتْ تَحْتَ سَعْدِ بْنِ خُوَلَةَ وَهُوَ مِنْ بَنِي عَامِرِ بْنِ لُؤْيٍ وَكَانَ مِمَّنْ شَهِدَ بَدْرًا فَتَوَقَّيْ عَنْهَا فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ وَهِيَ حَامِلٌ فَلَمْ تَنْشُبْ أَنْ وَضَعَتْ حَمْلَهَا بَعْدَ وَقَاتِهِ فَلَمَّا تَعَلَّتْ مِنْ نِفَاسِهَا جَحَلْتُ لِلْخُطَّابِ فَدَخَلَ عَلَيْهَا أَبُو السَّنَابِلِ بْنُ بَعْكُكٍ رَجُلٌ مِنْ بَنِي عَبْدِ الدَّارِ فَقَالَ لَهَا مَا لِي أَرَاكِ جَحَلْتِ لِلْخُطَّابِ تُرَجِّحِينَ النِّكَاحَ فَإِنَّكَ وَاللَّهِ مَا أَنْتِ بِنَاكِحٍ حَتَّى تَمُرَّ عَلَيْكَ أَرْبَعَةُ أَشْهُرٍ وَعَشْرٌ قَالَتْ سُبَيْعَةُ فَلَمَّا قَالَ لِي ذَلِكَ جَمَعْتُ عَلَيَّ ثِيَابِي حِينَ أَمْسَيْتُ وَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلْتُهُ عَنْ ذَلِكَ فَأَقْتَنِي بِأَنِّي قَدْ حَلَلْتُ حِينَ وَضَعْتُ حَمْلِي وَأَمَرَنِي بِالنِّزَاجِ إِنْ بَدَأَ لِي

تَابِعُهُ أَصْبَغُ عَنْ ابْنِ وَهْبٍ عَنْ يُونُسَ وَقَالَ اللَّيْثُ حَدَّثَنِي يُونُسُ عَنْ ابْنِ شَهَابٍ وَسَأَلْنَاهُ فَقَالَ أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ ثَوْبَانَ مَوْلَى بَنِي عَامِرِ بْنِ لُؤْيٍ أَنَّ مُحَمَّدَ بْنَ إِيسَى بْنِ الْبُكَيْرِ وَكَانَ أَبُوهُ شَهِدَ بَدْرًا أَخْبَرَهُ

3988- Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Yahya (bin Sa'id al-Anshaari) daripada Naafi', (katanya:)

haditsnya yang sahih. Ia dikemukakan secara ta'liq di sini semata-mata untuk meringkaskan cerita. Anda dapat melihatnya dengan panjang lebar sebagai sebuah hadits yang lengkap dengan sanadnya (maushul) dikemukakan Bukhari di bawah Bab Perang Tabuk. Sementara dalil bagi pihak yang menafikannya pula tidak ada. Da'waan mereka juga tidak beralaskan alasan yang kukuh. Oleh itu, apa yang tersebut di dalam hadits sahih adalah lebih benar dan lebih patut diutamakan. Apa lagi dengan mengambil kira qaedah usul: المثبت مقدم على النافي (orang yang menerima atau mentsabitkan sesuatu diutamakan daripada yang menolak atau menafikannya). Selain hendak mentsabitkan kelebihan Ahli Badar, itulah sebenarnya tujuan Bukhari mengemukakan hadits Ka'ab secara ta'liq dan ringkas selepas selesai mengemukakan hadits Abu Hurairah di atas.

Disebutkan¹³¹ kepada Ibnu 'Umar bahawa Sa'id bin Zaid bin 'Amar bin Nufail - beliau seorang ahli Badar -¹³² sakit pada suatu hari Juma'at. Beliau (Ibnu 'Umar) terus pergi menziarahinya dengan menaiki kenderaan ketika matahari sudah agak tinggi. (Waktu sembahyang) Juma'at sudah pun hampir, namun beliau meninggalkan (juga) Juma'at.¹³³

¹³¹ Atsar 3988 ini tidak menyebutkan dengan jelas siapakah orang yang menceritakan kepada Ibnu 'Umar tentang Sa'id bin Zaid bin 'Amar bin Nufail telah jatuh sakit pada suatu hari Juma'at dan siapakah namanya? Hafiz Ibnu Hajar berkata, saya tidak tahu siapa orangnya. Tetapi berdasarkan riwayat Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya, orang berkenaan ialah anak Sa'id bin Zaid sendiri. Bagaimanapun, namanya tetap tidak tersebut juga.

¹³² Sa'id bin Zaid ialah salah seorang daripada sepuluh orang sahabat Nabi s.a.w. yang dijanjikan syurga. Selain sepupu kepada Saiyyidina 'Umar, beliau juga ipar 'Umar. Fathimah, adik 'Umar adalah isterinya. Ini bererti hubungan di antara Sa'id bin Zaid dan Ibnu 'Umar terjalin dari beberapa sudut. Tujuan utama Bukhari mengemukakan riwayat ini ialah untuk membuktikan kelebihan Ahli Badar. Kerana perawi-perawi hadits, baik dari kalangan sahabat atau tabi'in, pasti menyebutkan secara khusus sahabat yang telah ikut serta dalam perang Badar sebagai seorang yang sangat mulia dan dihormati. Ia kadang-kadang disebutkan dalam jumlah mu'taridhah seperti di dalam atsar di atas. Sa'id bin Zaid sebenarnya tidak terlibat secara langsung dalam peperangan Badar. Beliau diutus Rasulullah s.a.w. bersama Thalhah bin 'Ubaidillah untuk mengintip pergerakan musuh. Peperangan tiba-tiba berlaku sebelum kepulangan mereka. Walaupun begitu, Rasulullah s.a.w. tetap memberikan kepada mereka berdua habuan daripada harta ghanimah seperti yang diberikan kepada para sahabat yang terlibat secara langsung dalam perang di samping memberi berita gembira bahawa mereka juga mendapat pahala seperti orang-orang lain. Itulah sebabnya para perawi menyebut beliau sebagai Ahli Badar.

¹³³ Di sini timbul persoalan, apakah hukum meninggalkan sembahyang Juma'at, terutamanya ketika waktu sembahyang Juma'at sudah sangat hampir, kerana sebab-sebab seperti hendak pergi menziarahi orang sakit dan sebagainya. Para ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Ia dapat disimpulkan sebagai berikut:

- (1) Meninggalkan Juma'at sebelum matahari tergelincir kerana sebab-sebab seperti itu adalah harus menurut kebanyakan Hanaabilah, Maalikiyyah dan qaul qadim mazhab Syafi'e.
- (2) Menurut satu riwayat daripada Malik, Ahmad dan qaul jadid Syafi'e tidak harus meninggalkan Juma'at sebelum matahari tergelincir kerana sebab-sebab seperti itu.
- (3) Menurut satu lagi riwayat daripada Imam Ahmad, ia hanya harus untuk keluar berjihad. Tidak harus untuk tujuan-tujuan yang lain.
- (4) Menurut sesetengah ulama dalam mazhab Syafi'e dan Imamul Haramain, meninggalkan Juma'at sebelum matahari tergelincir diharuskan hanya untuk perjalanan yang wajib dan penting sahaja.
- (5) Kebanyakan ulama dalam mazhab Syafi'e berpendapat, harus meninggalkan Juma'at untuk perjalanan keta'atan, seperti untuk menunaikan ibadat haji, menuntut ilmu, mencari rezeki yang halal dan sebagainya. Sama ada perjalanan untuk tujuan itu wajib ke atasnya atau tidak.

Adapun meninggalkan Juma'at untuk bermusafir ke mana-mana setelah matahari tergelincir pada hari Juma'at pula, maka kebanyakan ulama berpendapat ia tidak harus. Tetapi al-Auzaa'i berpendapat ia juga harus. Qadhi Khan menukilkan mazhab Hanafi dalam masalah ini, bahawa ia